



LA DIVA
BEAUTY CARE

Solekan dan dandanannya: Zulfazli Suhadi dari La Diva
Petua: Wendy Lee dari Chapter One Perhiasan: Manja Queen
Gambar: Shahril Azman Penyelaras: Mahani Awang

Aksesori besar peranannya

AKSESORI berperanan menyerikan penampilan tetapi lebih dari itu, ia membangkitkan satu *statement* dan imej tersendiri. Contohnya, walaupun ia hanya sekadar seutas rantai atau sebutir subang mutiara tetapi ia mampu memberi gambaran yang serius, terhormat dan berpengaruh dalam gaya cukup feminin pada si pemakai seperti lazim dilakukan oleh ratu negara dan isteri ketua-ketua negara di Barat dan Jepun.

Majlis Glamor, Gala dan Anugerah

Anda mungkin bukan di antara nama yang tersenarai sebagai pemenang mahupun calon anugerah pada malam itu, tapi penampilan anda yang menawan itu boleh menaikkan seri dan kegemilangan malam tersebut.

Untuk acara seperti ini, gaun labuh selalunya nampak lebih menawan dan glamor. Perhiasan? Sesuai selera dan *fashion statement* yang anda mahu tonjolkan! Dalam kata lain ia boleh saja yang halus dan feminin bertatah berlian, atau besar dan menuntut perhatian.

Sebagai panduan, secara umumnya, pilih perhiasan yang halus dan sederhana jika ianya tulin dan sekiranya anda memilih perhiasan kostum, *go bold!* Lebih besar, lebih hebat perhatian yang anda tuntut. Tapi cuma hati-hati, sesuaikan ia dengan pakaian, rambut dan gaya yang anda pilih.



Selain mampu membangkitkan imej tertentu yang disebut tadi, aksesori mempunyai daya tarikan yang luar biasa serta memberikan gambaran tertentu tentang si pemakai. Jika seutas rantai mutiara membangkitkan gaya majestik, beberapa urai rantai mutiara yang dipakai labuh berjurai mungkin memberikan gambaran yang berlainan, misalnya untuk *mood* berpesta atau berseronok-seronok, lebih lagi jika ia digayakan waktu malam bersama sehelai *little black dress*.

Malah seandainya beberapa urai rantai mutiara yang diselang-selikan pula dengan kristal dan *diamontes* ia boleh membangkitkan gaya mewah untuk malam tetapi dalam hal ini anda perlu berhati-hati kerana jika tersilap gaya anda mungkin mengundang jelingan atau senyuman sinis yang melihat.

Tiga gaya, pilihan dan suasana yang digambarkan di atas tentu memberikan anda gambaran jelas betapa besarnya peranan aksesori walaupun sekecil mana ia. Yang pasti ia membuat pernyataan pada si pemakai dan memberikan seribu gambaran dan perasaan pada yang melihat.

Mungkin ramai anda yang telah pun

menonton filem Mami Jarum dan jelas dengan karakter utama filem tersebut. Jika anda tidak mahu dikaitkan dengan gambaran sedemikian, jadi mulai hari ini, setiap kali anda memilih untuk menggayakan sesuatu perhiasan, pilihlah dengan gambaran yang jelas.

Sebagai panduan buat anda, berikut ada beberapa tip berguna yang mungkin anda boleh ikuti sebagai landasan kala memilih. Bagi membangkitkan empat gaya yang berlainan, **Nik Alia Ilani Nik Ahmad Mazlan** kami jadikan model kerana usia remaja dan wajahnya yang sangat versatil untuk membangkitkan empat wajah yang berlainan agar anda dapat melihat dengan jelas betapa pentingnya peranan aksesori dan mengapa ia harus diselaraskan dengan gaya pakaian anda, objektifnya, suasana dan tempat yang bakal anda kunjungi.

Aksesori Manja Queen boleh didapati di Flee Market Mont Kiara, Bangsar Shopping Complex, Ampang Park dan The Curve (Tingkat Satu)

*** Agen dan pengedar dikehendaki sila hubungi:
03-79581928 atau 016-2268676.
Email: Wendy@chap-one.com**

Ayu Tradisional

Memakai pakaian tradisional tidak kira untuk apa jua majlis (terutama perkahwinan), perlulah diselaraskan dengan perhiasan yang sesuai secara terperinci supaya penampilan tidak sumbang.

Menggayakan kebaya songket biru muda, perhiasan yang dipilih buat Alia juga tradisional. Pilihan ini menjadi lebih tepat dan dituntut jika ia bakal digayakan oleh raja sehari untuk membangkitkan kesempurnaan gaya dan keistimewaan.



Santai

Ramai wanita berpendapat bahawa perhiasan dan barang kemas hanya perlu kala untuk ke majlis, kenduri-kendara atau keluar bekerja. Tetapi pakar gaya berpendapat, perhiasan diri patut digayakan pada bila-bila masa kecuali tidur. Jadi dalam kata lain, anda juga patut menggayakan perhiasan yang sesuai walaupun sekadar berseluar jeans dan kemeja-T kala membeli-belah atau sekadar minum petang di kafe dengan teman-teman.

Untuk membangkitkan gaya ranggi dan santai, gaya kasual Alia disesuaikan dengan coker sederhana besar. Sebagai panduan umum pilihlah perhiasan jenis perak kerana ia membangkitkan gaya moden, muda dan ringkas.

Elakkan berlian, emas dan jenis yang berjurai-jurai untuk tujuan ini dan perhiasan jenis manis serta perak yang halus juga boleh membangkitkan gaya yang menawan tetapi cukup santai.





Koktel dan Malam Prom

Koktel adalah satu majlis yang memangnya agak janggal bagi ramai yang tidak biasa bersosial kerana ia adalah majlis cara Barat untuk merai atau melancarkan sesuatu yang bermula sebelum senja, disertai acara minum wain yang berterusan dan makanan *mouth bites* (kadang-kala ke makan malam) dan berakhir hingga lewat malam. Jika anda dijemput, jangan bimbang, anda tak perlu minum wain dan tak perlu tunggu hingga majlis selesai. Tapi anda perlu bimbang tentang perhiasan yang anda gayakan! Sesuaikan ia dengan pakaian, majlis dan tempat?

Sebagai panduan, anda perlu tahu sama ada ia diadakan di dalam dewan hotel lima bintang, di tepi kolam renang atau di halaman sebuah vila. Selain itu untuk siapa dan apakah yang diraikan? Secara umum anda bolehlah pilih *dress* pendek yang feminin. Warna pilihan biasanya hitam dan merah, kalau berani, pareo sutera yang digayakan dengan bengkung atau tube jika mahu andai ia di tepi kolam renang dan ruang terbuka serta cuaca panas.

Pakaian anda menentukan perhiasan yang anda pilih. Untuk *dress* terbuka seperti yang digayakan peragawati, anda mungkin hanya perlukan hiasan rantai yang sederhana. Elakkan yang besar (*chunky and bold*) sama sekali!

Bahan perhiasan terpulung, anda boleh gunakan yang berpermata atau boleh juga pilih asas sahaja seperti emas atau perak. Untuk panduan anda, perak adalah pilihan terbaik terutama jika anda muda dan untuk digayakan ke prom. Jika ibu anda bermurah hati untuk meminjamkan anda set perhiasan emasnya, katakan padanya, "Ia terlalu indah dan berharga, simpanlah dulu. Mungkin anda boleh gayakan ia pada malam pernikahan anda nanti."

Daripada petua tadi anda mungkin, sudah dapat membuat kesimpulan bahawa, untuk majlis koktel dan prom, perhiasannya lebih sesuai yang halus, kecil dan manis. Tetapi jika majlis tersebut diadakan di dewan besar dan dihadiri oleh orang kenamaan, mungkin anda tidak mahu berasa tersisih, bolehlah anda berlebihan sedikit dengan perhiasan lengkap: Rantai, subang dan gelang.

